

Examinations Department
Ministry of Education
Bandar Seri Begawan BB3510
Brunei Darussalam



جباتن قڤرڤساڤان

Jabatan Peperiksaan
Kementerian Pendidikan
Bandar Seri Begawan BB3510
Negara Brunei Darussalam

Rujukan Kami : **BE/E/PSR/2026 (8)**
Our Reference

Tarikh: 14 Ramadhan 1447H
04 Mac 2026M

SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PEPERIKSAAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : 3/2026

PENILAIAN SEKOLAH RENDAH (PSR) TAHUN 2026

Dengan hormatnya sukacita memaklumkan bahawa Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan akan membuka pendaftaran Penilaian Sekolah Rendah (PSR) Tahun 2026 mulai **11 Mac 2026** hingga **23 April 2026**. Peperiksaan ini akan diadakan mulai **08 Oktober 2026**.

Syarat-syarat pendaftaran adalah seperti berikut:

- 1- Calon-calun sekolah yang hendak menduduki Penilaian Sekolah Rendah ini mestilah murid-murid dalam Tahun 6 pada tahun ini dan pendaftaran **hendaklah melalui sekolah masing-masing**.
- 2- Calon-calun persendirian mestilah pernah menduduki Tahun 6 dengan menunjukkan bukti-bukti pengajian.
- 3- Calon-calun persendirian dari Sekolah-sekolah antarabangsa sama ada di dalam atau luar negeri hendaklah menduduki tahun 6 pada tahun ini.
- 4- Calon-calun yang dikenakan bayaran sebanyak **B\$30.00** (Tiga Puluh Ringgit Brunei Sahaja) adalah seperti berikut:
 - I. Semua calon-calun Persendirian.
 - II. Semua calon-calun dari sekolah-sekolah swasta sama ada warga Negara Brunei Darussalam atau sebaliknya.
 - III. Semua calon-calun yang bukan warga Negara Brunei Darussalam sama ada sekolah kerajaan atau sekolah swasta.

Borang-borang pendaftaran bagi calon Persendirian dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperolehi di Kaunter Jabatan Peperiksaan, Blok C, Aras Bawah, Pusat Perkhidmatan Setempat, Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat.

...2/

12

Borang pendaftaran dan dokumen sokongan hendaklah lengkap bagi pengesahan oleh pegawai atau kakitangan Jabatan Peperiksaan yang bertugas. Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima borang pendaftaran dan dokumen sokongan yang lengkap serta pembayaran tidak lewat daripada **23 April 2026 (Khamis)** pada tarikh dan jam seperti berikut:

TARIKH	HARI	SESI PAGI	SESI PETANG
11 Mac 2026 hingga 19 Mac 2026	Isnin hingga Khamis	8.15 pagi – 12.00 tghari	-
	Sabtu	8.15 pagi – 10.00 pagi	-
25 Mac 2026 hingga 23 April 2026	Isnin hingga Khamis	8.00 pagi – 11.00 pagi	1.30 petang - 2.30 petang
	Sabtu	8.00 pagi – 10.00 pagi	-

Sekian, untuk makluman dan tindakan pihak yang berkenaan.

Wassalam.

"Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi, Berkualiti ke Arah Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan"



(AWANG SHAHRIZAL BIN HAJI EMRAN/LAMPOH)

Pemangku Pengarah Peperiksaan,
Jabatan Peperiksaan,
Kementerian Pendidikan.